

USIM cungkil pelapis

REAKSI ceria atlet USIM
selepas kejohanan.



Nilai: Kejohanan Olahraga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi medan terbaik menggilap atlet pelapis bagi diketengahkan ke kejohanan lebih besar.

Kejohanan anjuran Biro Pembangunan Sukan dan Belia Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM yang julung kali diadakan berlangsung di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM.

Kejohanan mempertandingkan tujuh acara iaitu 100m, 200m, 400m, 800m, 1500m, 4x100m dan 4x400m disertai 139 pelajar yang mempamerkan larian bertenaga untuk setiap kategori dipertandingkan.

Ketua Biro Pembangunan Sukan dan Belia MPP USIM Muhammad

Nor Amin Jamaluddin berkata, penyertaan pelajar menunjukkan USIM memiliki ramai atlet berpotensi.

Perkembangan ini selari dengan visi Biro Sukan dan Pembangunan Belia MPP iaitu me-

lestarikan budaya sukan dalam kalangan warga USIM.

“Saya yakin selepas ini ramai pelajar akan turun ke Pavillion untuk melakukan aktiviti sukan.

“Berdasarkan kejayaan program ini, perancangan selepas ini

adalah mengadakan Hari Terbuka Sukan USIM dan Majlis Pelancaran kempen ‘Fit USIM,’ katanya.

Kejohanan sehari itu ditutup secara rasmi oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni) Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah.

Pengurusan universiti memberi komitmen untuk menghantar atlet olahraga USIM ke Kejohanan Sukan Antara Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2016 nanti.